

'AGC has right to appeal High Court's ruling on Sabah's entitlement'

PETALING JAYA: Sabah leaders who threatened to quit the government if the Attorney-General's Chambers (AGC) appeals the High Court's ruling on Sabah's 40% revenue entitlement have been cautioned, with a PKR leader calling such an action an unhealthy act of "political ransom".

Hassan Abdul Karim said the judicial process must not be obstructed, pointing out that the AGC has the right to file an appeal.

"If we truly uphold the rule of law and the supremacy of the

Federal Constitution, the AGC must be allowed to perform its duty," he said in a statement.

Hassan said such threats went against the principles of constitutional democracy.

He also pointed out that Sabah had received a higher allocation in Budget 2026 compared to several states in Peninsular Malaysia, including Terengganu, Kelantan, Perlis and Kedah.

"This issue involves constitutional law under Articles 112C and 112D of the Federal

Constitution. The final say on such matters lies with the Federal Court, not the High Court in Kota Kinabalu," he said.

"Malaysia as a federation will be weakened if political threats are used to pressure the Federal Government. Let the legal process take its full course."

On Oct 18, the High Court in Kota Kinabalu ruled that the Federal Government breached the fundamental right of the state government of Sabah and its people for not honouring the 40% net

revenue entitlement.

Justice Celestina Stuel Galid had, among others, stated that the failure of the Federal Government to hold a second review in 1974 with the Sabah government was a breach and contravention of its constitutional duty.

This means that the 40% entitlement remains due and payable to Sabah for each consecutive financial year from 1974 to 2021.

Following the court's decision, some Sabah leaders have urged the AGC not to appeal the case.

Among them is Upko president Datuk Ewon Benedick, who said that he will resign from Cabinet if the AGC files an appeal against the High Court decision.

Ewon is Entrepreneur and Cooperatives Development Minister and Penampang MP.

Sabah Umno chief Datuk Seri Bung Moktar Radin said the movement will pressure its lawmakers to bring a memorandum of objection to the Prime Minister if the Federal Government decides to appeal.

Singapore's HMI Medical to build Kuching hospital

KUCHING: Singapore-based Health Management International Pte Ltd (HMI Medical) will develop a smart specialist hospital, the Regency Hospital Kuching, at The NorthBank township, an ongoing flagship development of property developer Ibraco Bhd.

The proposed 300-bed hospital would offer comprehensive specialist and subspecialty care, supported by advanced smart hospital systems, state-of-the-art technology, and internationally benchmarked clinical standards, according to HMI Medical group chief executive officer Chin Wei Jia.

He said beyond addressing the rising demand for advanced healthcare services here and the wider South-East Asia region, the hospital would create more than 1,000 jobs and provide cross-training opportunities for clinical professionals, fostering excellence in patient-centred care.

HMI Medical has more than 27 years of experience in healthcare delivery with operations in Singapore, Malaysia, Indonesia and Vietnam. In Malaysia, it operates specialist hospitals – the Mahkota Medical Centre in Melaka and Regency Specialist Hospital in Johor.

Dr Richard Chew, senior surgeon and board director of HMI Medical's hospitals in Malaysia, a Sarawakian and long-time board member of HMI Medical, would be leading the establishment of Regency Hospital Kuching, with a target opening date in 2029.

"This initiative will create new opportunities for economic growth and prosperity,

positioning Sarawak and Malaysia as premier destinations for medical tourism in South-East Asia," he added in a statement during the signing of a share-sale agreement (SSA) between Ibraco and Kuching Health Holdings Sdn Bhd, a wholly-owned subsidiary of HMI Medical, for the disposal of the former's 100% equity interest in NorthBank Specialist Hospital Sdn Bhd (NSHSB) to the latter for RM900,000 in cash.

Sarawak Premier Tan Sri Abang Johari Tun Openg, who was on a working visit to Singapore, witnessed the signing ceremony at the Sarawak Mega Fair 2025 at the Suntec Convention & Exhibition Centre, last Thursday.

In a filing with Bursa Malaysia, Ibraco said the disposal of the NorthBank Specialist Hospital was on a "willing buyer, willing seller basis" and there would be no material gain or loss arising from the sale.

"NSHSB presently holds the development approval of a private hospital, with operations yet to commence pending the engagement of experienced healthcare management expertise.

"The proposed disposal to a reputable and established healthcare group enables Ibraco to realise the intrinsic value of the development approval, while facilitating HMI Medical's expansion into Sarawak to strengthen private healthcare provision in the state.

"The collaboration supports the national agenda to expand quality private healthcare services and improve accessibility for the community.

"The establishment of a private hospital within The NorthBank township will significantly enhance the accessibility to quality healthcare services for residents and neighbouring areas.

"It will also attract a wider catchment of professionals, families and retirees seeking a well-served living environment, thereby strengthening the township's liveability and long-term attractiveness. In addition, the hospital's operations are expected to stimulate local economic activity through job creation, demand for ancillary medical and commercial services," said the property developer.

NSHSB would acquire the 1.7ha leasehold plot for the hospital from Ibraco following the completion of the SSA within six months.

Ibraco group managing director Datuk Chew Chiaw Han said the company is honoured to contribute to the expansion of Sarawak's healthcare sector – the state's broader social and economic progress.

"Regency Hospital Kuching represents more than a healthcare facility, it reflects our shared vision of creating lasting community value through sustainable township development.

"The NorthBank was designed as an integrated, self-sustaining township, combining homes, business, education and lifestyle conveniences in one ecosystem," added Chew. The 50ha NorthBank project, located opposite Ibraco's flagship Tabuan Tranquility, sits along the Kuching-Samarahan Expressway.

BADLY SHAKEN

DEEPAVALI BLAST VICTIMS RELATE ORDEAL

Chaos and horrific injuries seen at fireworks event

AHMAD MUKHSEIN MUKHTAR
KULIM
news@nst.com.my

WOUNDED and still shaken, victims of the Jalan Paya Besar Deepavali fireworks blast here described their terrifying ordeal in an incident that left more people injured than initially reported.

Those met at Kulim Hospital yesterday said the explosion happened without warning, unleashing searing pain and chaos in the area within seconds.

There were reports of victims with severed fingers, broken bones and even permanent hearing loss.

Retiree Pasupathi Ratnam, 74, who stopped to watch the display, sustained a broken right arm and deep lacerations.

"This Deepavali has been anything but joyful for me. The pain is severe."

"Many more were affected, probably closer to 30 than what was previously reported."

"This was really bad. I remember hearing children crying. It could have been worse. I saw with my own eyes someone who lost five fingers."

He said he will undergo surgery for his injuries soon.



Gayathiri Ramara's sister, Durkadewi, 15, receiving treatment at Kulim Hospital yesterday.

Pasupathi, from Bertam, Penang, said the blast occurred behind a car about 50m away, but it still left him badly injured.

"Authorities must take action and ensure guidelines are in place to control these events so this does not happen again."

"Deepavali is the festival of lights, but this is not how we celebrate it," he said, adding that he believed the fireworks had been modified.

Factory operator Norzaina Ismail, 46, from Kulim, said she was across the street when the blast occurred.

"It was around 12.45am. It exploded suddenly. It may have

overheated. From the video I saw, the device fired once before exploding into pieces."

"When it happened, I felt a sharp pain but could still walk. Shortly after, my arms and legs began swelling and I could not walk anymore."

"My children rushed me to the hospital," she said.

Another victim, Gayathiri Ramara, 25, said her 15-year-old sister was struggling to eat and walk after sustaining burns, bruises, and cuts on her body.

"My sister was taking a video of the fireworks when it happened. She suffered bad injuries to her arms and legs."



Pasupathi Ratnam, 74, showing the injuries he sustained at the Jalan Paya Besar Deepavali fireworks blast in Kulim yesterday. NSTP PH BY SAK NAD L NADIR



Emergency personnel assisting a victim as they arrive at Kulim Hospital yesterday. PH: FB/RS SOCIAL MEDIA

"It is really disheartening to see her in this condition. I just hope she recovers well," said Gayathiri, whose family lives in Paya Besar.

Home Minister Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail's special officer, Saiful Ambar Abdullah Ambar, said Saifuddin had taken note of the incident and that investigations were underway.

"The home minister is very concerned about what happened in Paya Besar."

"Officially, 22 people have been recorded as injured, but there may be others who sought treat-

ment elsewhere.

"The minister will issue a statement soon. Investigations will look into who organised the event and whether it was an accident or a deliberate act," he said after delivering aid to victims at the hospital.

The New Straits Times has reached out to state Housing, Local Government and Health Committee chairman Mansor Zakaria, as well as the Kedah Health Department, about the high number of casualties mentioned by the victims.

Arab Saudi ketatkan syarat kesihatan musim 2026

KUALA LUMPUR

Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi mengumumkan syarat kesihatan baharu yang lebih ketat bagi bakal jemaah haji musim 1447H/2026M, selain tidak lagi membenarkan Lembaga Tabung Haji (TH) membuka Pusat Rawatan di Tanah Suci.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Seri Mustakim Mohamad dalam kenyataan memaklumkan, syarat kesihatan baharu itu akan dikuatkuasakan oleh TH dan perlu dipatuhi semua jemaah dari Malaysia bagi memperoleh visa haji.

Beliau berkata, antara syarat yang ditetapkan ialah bakal jemaah perlu bebas daripada penyakit berjangkit, penyakit serius atau penyakit kronik yang tidak terkawal, serta berupaya melaksanakan ibadah haji secara sendiri.

"Jemaah tidak dianggap layak mengerjakan haji sekiranya menghidap penyakit atau keadaan seperti kegagalan buah pinggang kronik, kegagalan jantung atau penyakit jantung serius,

Tak sihat tak layak tunai haji



Langkah Arab Saudi mengetatkan syarat kesihatan dijangka memberi kesan besar kepada bakal jemaah haji Malaysia.

penyakit paru-paru kronik dan penyakit hati kronik.

"Selain itu, turut tidak layak ialah mereka yang mengalami masalah neurologi atau mental yang menjejaskan fungsi kognitif atau motor, warga emas yang menghidap demensia atau lemah fizikal, kehamilan berisiko tinggi, penyakit berjangkit aktif serta pesakit kanser yang sedang menjalani rawatan," katanya.

Sehubungan itu, Mustakim menasihati bakal jemaah haji supaya membuat persediaan kesihatan fizikal secukupnya memandangkan mereka akan berada di Arab Saudi dalam tempoh yang panjang serta berdepan suasana berdebu dan cuaca panas.

Beliau berkata, tahap kesihatan yang baik merupakan antara syarat kemampuan mengerjakan haji (istithah) yang sentiasa ditekankan dalam resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan, selaras dengan keperluan lulus pemeriksaan kesihatan kendalian Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi menerima tawaran haji.

Selain itu, katanya, bagi musim haji 1447H/2026M, TH tidak lagi dibenarkan membuka Pusat Rawatan di Tanah Suci.

Bagi jemaah yang memerlukan



MUSTAKIM

rawatan lanjut, mereka akan dinujuk ke hospital-hospital yang disediakan Kerajaan Arab Saudi dengan pemantauan rapi oleh pakar-pakar perubatan KKM.

"Bagaimanapun, TH masih menyediakan klinik kesihatan di semua bangunan penginapan jemaah haji di Makkah dan Madinah.


"Setiap bangunan dilengkapi klinik pesakit luar dan farmasi yang dikendalikan petugas kesihatan bertauliah daripada KKM bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan kesihatan terbaik kepada jemaah Malaysia, termasuk pengiring bagi warga emas dan orang kelainan upaya," katanya.

Beliau berkata, TH turut merancang menyediakan kemudahan kesihatan di hospital swasta Arab Saudi jika perlu, dan bagi tujuan itu, TH dengan kerjasama KKM akan menempatkan 225 petugas kesihatan pada musim haji tahun depan.

TH, katanya, sentiasa mengutamakan keselamatan, kebajikan dan kesejahteraan jemaah haji Malaysia sebagai teras pengurusan operasi haji sepiut tahun, justeru sebahagian besar kuota kepada petugas perubatan.

Malaysia dijangka mengekalkan kuota 31,600 jemaah haji musim depan.

Syarat Kesihatan Wajib Arab Saudi



LAYAK, jika jemaah:

1. Bebas daripada penyakit berjangkit, penyakit serius atau kronik tidak terkawal.
2. Mampu menjalankan ibadah haji sendiri tanpa bantuan.


TIDAK LAYAK, jika menghidap:

1. Kegagalan buah pinggang kronik
2. Kegagalan jantung / penyakit jantung serius
3. Penyakit paru-paru atau hati kronik
4. Masalah mental/neurologi yangjejaskan fungsi kognitif
5. Demensia / fizikal terlalu lemah (warga emas uzur)
6. Kehamilan berisiko tinggi
7. Penyakit berjangkit aktif
8. Kanser dalam rawatan

Jangkaan implikasi kepada Malaysia


1. Ribuan bakal jemaah berisiko terasingir
 - Syarat baharu tidak indrone dengan penyakit kronik tidak terkawal.
 - Ramai warga emas Malaysia mungkin terpaksa tinggal di rumah.
2. Tapikan & pemeriksaan KKM diperketat
 - Pemeriksaan kesihatan wajib lulus sebelum visa dikeluarkan.
 - Hanya jemaah benar-benar sihat dibenarkan memulakan haji.
 - KKM dan TH perlu tambah tenaga petugas dan sistem saringan.
3. Kos persediaan kesihatan meningkat
 - Ujian darah, ujian urine & ujian kawalan penyakit jadi rutin wajib.
 - Jemaah perlu berbelanja lebih awal untuk patikan tahap kesihatan stabil.
4. Warga emas & OKU antara paling terjejas
 - Syarat 'mampu berdiri' hadkan penyertaan warga emas OKU.
 - Hanya yang fizikal dan mental stabil dibenarkan, selebihnya mungkin ditolak atau diganti.
5. Dorong kesadaran gaya hidup sihat
 - Haji kini bukan sekadar 'takaful kesihatan' selain kewangan.
 - Galak rakyat Malaysia jaga kesihatan sejak awal senarai menunggu.
 - Ajar umat Islam bahawa ibadah haji perlu kesihatan berkaitan tubuh dan minda.

STATISTIK KEMATIAN JEMAAH HAJI MALAYSIA



*2020 & 2021: Tidak jemaah haji Malaysia meninggal Covid-19

Utamakan kesihatan mental di sekolah



LEE LAM THYE

Pemergian Yap Shing Xuen, 16, yang dibunuh secara tragis di sekolahnya menarik perhatian ramai orang. Keluarga, rakan sekelas, guru dan pelajar dari seluruh Bandar Utama berkumpul untuk mengucapkan selamat tinggal terakhir mereka.

Dalam keramaian mereka, dapat dirasakan beban kesedihan yang memenuhi ruangan itu - kesedihan, ketidakpercayaan, kesakitan yang tidak perlu ditanggung oleh keluarga atau komuniti. Bagi rakan dan rakan sekelasnya, trauma tersebut amatlah mendalam. Mereka terlalu muda untuk bergelut dengan kehilangan sedemikian. Di sebalik kesedihan, pasti wujud persoalan; apakah

yang difikirkan dan dirasakan oleh pelajar ini sekarang? Ada yang takut untuk kembali ke sekolah? Kesan emosi daripada tragedi sedemikian boleh berlarutan lama walaupun selepas tajuk berita ini kian pudar.

Oleh itu, soalan yang menyakitkan mesti ditanya; Bolehkah tragedi ini dicegah? Mungkin ia boleh - jika kita lebih proaktif daripada reaktif, jika kita telah memberi penekanan yang lebih besar pada kesejahteraan mental dan emosi anak-anak kita, bukan hanya kejayaan akademik mereka.

Sudah terlalu lama, kita menumpukan pada gred dan prestasi hinggalah sering mengabaikan perjuangan tenang yang berlaku dalam fikiran anak muda kita. Kes buli, tekanan emosi dan juga keganasan telah muncul dengan lebih kerap. Laporan terkini menunjukkan bahawa enam daripada 10 orang muda mengalami gejala kemurungan dan tiga daripada 10 berjuang dengan kebimbangan. Ini bukan sekadar nombor; mereka adalah anak kita, pelajar kita, masa depan kita.

Kita perlu menyedari bahawa kesihatan mental adalah sama pentingnya dengan kesihatan fizikal dan pendidikan emosi mesti bermula lebih awal; di rumah, di sekolah dan masyarakat.

Celik kesihatan mental harus menjadi sebahagian daripada perjalanan pembelajaran setiap kanak-kanak. Sekolah boleh menggabungkan modul kesedaran kesihatan emosi yang mengajar kanak-kanak memahami emosi, menyatakan empati dan menghulurkan bantuan; untuk diri sendiri atau kawan. Pelajaran ini bukan hanya tentang mengatasi, ia adalah tentang membina daya tahan dan belas kasihan.

Di rumah, ibu bapa memainkan peranan yang penting. Mereka adalah guru dan teladan pertama kanak-kanak. Dengan menunjukkan empati, mendengar tanpa menilai dan meluangkan masa bersama dalam aktiviti keluarga yang sihat, ibu bapa boleh memupuk kekuatan emosi dan hubungan.

Di sekolah, guru dan kakitangan berada di barisan hadapan kehidupan emo-

si anak-anak. Mereka memerlukan latihan dan sokongan mengenali tanda-tanda kesusahan dan keyakinan untuk menawarkan bantuan atau rujukan apabila diperlukan. Tetapi kita juga mesti menjaga kesihatan mental guru kita sendiri.

Kita juga harus menggalakkan kerjasama dengan universiti di mana kita membenarkan pelajar kaunseling melengkapkan waktu latihan mereka di sekolah.

Pada masa sama disiplin dan bimbingan moral tetap penting. Sekolah mesti menangani tingkah laku yang mengganggu seperti pergaduhan, vape dan penipuan - bukan hanya melalui hukuman tetapi dengan memupuk empati, rasa hormat dan tanggungjawab.

Akhir sekali, kita mesti berusaha untuk mewujudkan budaya penjagaan - budaya di mana empati digalakkan, kebaikan dihargai dan setiap kanak-kanak berasa dilihat, didengari dan selamat.

** Tan Sri Lee Lam Thye ialah Ahli Majlis Penasihat Kesihatan Mental*

Kesihatan mata jendela nikmat kualiti hidup lebih baik

Prof Dr Soh Kim Lam,
Jabatan
Kejururawatan,
Fakulti Perubatan dan Sains
Kesihatan,
Universiti Putra
Malaysia (UPM)

Saya seorang jururawat yang kini bertugas sebagai pensyarah universiti dan berkecimpung dalam bidang kesihatan lebih 30 tahun. Namun, walaupun bekerja dalam dunia perubatan, saya juga tidak terkecuali seperti orang awam lain, kadangkala mengambil ringan soal kesihatan diri, terutama kesihatan mata yang sering dianggap remeh, selagi penglihatan masih jelas.

Segalanya bermula apabila saya mula menyedari kesukaran membaca. Ketika menutup sebelah mata, saya mendapati mata kanan kabur, huruf dan perkataan seolah-olah hilang daripada pandangan.

Saat itu, timbul cemas dan gusar. Tanpa berfikir, saya segera mendapatkan pemeriksaan di Klinik Oftalmologi, Hospital Shah Alam untuk mengetahui punca masalah ini.

Hasil pemeriksaan menunjukkan saya mengalami *central serous retinopathy* (CSR), iaitu keadaan cecair terkumpul di bahagian belakang retina, menyebabkan penglihatan menjadi kabur atau imej kelihatan terherot.

CSR biasanya berlaku pada satu mata, terutama dalam kalangan individu berumur 20 hingga 50 tahun dan lebih lazim menyerang golongan lelaki.

Dalam sesetengah kes, keadaan ini boleh pulih sendiri, namun tekanan (stres), penggunaan ubat steroid serta ciri personaliti tertentu dikenal pasti sebagai faktor risiko yang boleh memburukkan keadaan.

CSR lazimnya mempunyai prognosis baik dan kebanyakan pesakit pulih sepenuhnya dalam tempoh beberapa minggu hingga bulan. Namun, pengawasan dan rawatan bergantung pada tahap dan punca penyakit.

Dalam kebanyakan kes, doktor akan memilih pendekatan 'tunggu dan lihat' kerana CSR boleh pulih sendiri tanpa rawatan khusus.

Jika keadaan ini dikaitkan penggunaan ubat steroid, doktor akan memansuhkan ubat berkenaan dihentikan atau digantikan, sekiranya sesuai dan selamat untuk pesakit.

Bagi kes kebocoran cecair berterusan, rawatan laser boleh digunakan untuk menutup kawasan kebocoran pada retina. Namun, prosedur ini tidak sesuai dilakukan jika kawasan kebocoran terlalu

hampir dengan bahagian tengah retina yang penting untuk penglihatan tajam.

Bagi kes kronik atau berulang, doktor mungkin mencadangkan *photodynamic therapy* (PDT) atau penggunaan ubat tertentu bagi membantu mengurangkan kebocoran cecair dan mencegah kerosakan jangka panjang pada retina.

Lakukan pemeriksaan mata secara berkala

Nantun, jika cecair terus berkumpul dalam tempoh lama atau penyakit berulang boleh menyebabkan kerosakan kekal pada retina dan kehilangan penglihatan kekal.

Pengalaman ini mengingatkan saya bahawa kesihatan mata perlu diberikan perhatian. Justeru, saya menyeru semua melakukan pemeriksaan mata secara berkala, walaupun tiada gejala ketara. Kawal tekanan dan amalkan gaya hidup sihat.

Elak penggunaan ubat tanpa nasihat doktor, terutama ubat mengandungi steroid.

Hakikatnya, penglihatan ialah anugerah tidak ternilai. Sayangi mata anda sebelum huruf mula menghilang kerana apabila pandangan kabur, barulah kita benar-benar menyedari betapa berhar-

ganya cahaya yang selama ini kita pandang remeh.

Sebagai pensyarah universiti, membaca dan menulis menjadi keperluan harian yang tidak dapat dielakkan. Pengalaman ini menyedarkan bahawa kesihatan mata tidak boleh diabaikan, walaupun kita sibuk dengan kerja atau keluarga.

Sebagai pesakit pernah berdepan masalah penglihatan, saya ingin berkongsi pengalaman peribadi ini agar menjadi peringatan kepada semua terhadap pentingnya pengesanan awal dan rawatan segera.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua doktor, jururawat dan staf di Klinik Oftalmologi, Hospital Shah Alam, yang memberikan rawatan dengan penuh dedikasi dan kelikhlasan, tanpa mengenal penat lelah demi kesejahteraan pesakit.

Kita juga menyambut Hari Penglihatan Sedunia pada bulan ini bertepatan Sayangi Mata Anda, sekali gus membawa mesej penting terhadap kepentingan menjaga kesihatan mata secara proaktif dan berkala kerana mata sihat menjadi jendela kepada kualiti hidup yang baik.



Lakukan pemeriksaan mata secara berkala walaupun tiada gejala ketara.

(Foto hiasan)

Oleh Mahani Ishak
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi mengumumkan syarat kesihatan untuk menuaikan haji bagi musim 1447H/2026M.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji (TH) Mustakim Mohamad berkata, antara syarat yang perlu dipatuhi untuk memperoleh visa adalah bebas daripada penyakit berjangkit, penyakit serius atau penyakit kronik tidak terawal dan berupaya menjalankan ibadat haji dengan sendiri.

Katanya, jemaah tidak dianggap layak untuk mengerjakan ibadat haji sekiranya mengalami kegagalan buah pinggang kronik, kegagalan jantung atau penyakit jantung serius dan penyakit paru-paru kronik.

"Syarat yang wajib dipatuhi bakal jemaah ialah mereka tidak mempunyai penyakit hati kronik, masalah neurologi atau mental yang menjejaskan fungsi kognitif atau motor, warga emas de-

SYARAT KESIHATAN TUNAI HAJI MUSIM 1447H/2026M

Bebas penyakit kronik, berjangkit

ngan dementia atau fizikal lemah, kehamilan berisiko tinggi, penyakit berjangkit aktif dan penyakit kanser yang sedang dalam rawatan," katanya menerusi kenyataan pada kelmarin.

Mustakim berkata, pada tahun depan, Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi tidak lagi membenarkan TH membuka Pusat Rawatan di Tanah Suci.

Sehubungan itu katanya, jemaah haji yang memerlukan rawatan lanjut akan dirujuk ke hospital-hospital yang disediakan oleh

Kerajaan Arab Saudi dengan bantuan pemantauan rapi pakar perubatan Kementerian Kesihatan (KKM).

"TH juga merancang untuk menyediakan kemudahan kesihatan di hospital swasta Arab Saudi sekiranya perlu.

"TH dengan kerjasama KKM menyediakan 225 petugas kesihatan pada musim haji 1447H/2026M," katanya.

Beliau berkata, keperluan tahap kesihatan yang baik adalah antara syarat ke-

mampuan mengerjakan haji (istito'ah) yang sentiasa ditekankan dalam resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan.

"Seperti mana syarat menerima tawaran haji sebelum ini, bakal haji perlu lulus pemeriksaan kesihatan yang dikendalikan pihak KKM," katanya.

Dalam pada itu, Mustakim berkata, TH akan terus memastikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik bagi setiap jemaah haji negara.

"Jemaah haji juga perlu membuat persediaan kesihatan fizikal secukupnya kerana mereka akan berada di Arab Saudi dalam tempoh yang lama dan melalui suasana berdebu dan cuaca yang panas," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, TH sentiasa mengutamakan keselamatan, kebajikan dan kesejahteraan jemaah haji Malaysia sebagai teras dalam pengurusan operasi haji setiap tahun.

"Seperti mana tahun-tahun sebelumnya, TH sememangnya memandang serius dan mengutamakan aspek kesihatan jemaah haji terutama ketika berada di Tanah Suci," katanya.

Malaysia terima pengiktirafan global

Kuala Lumpur: Malaysia menerima Anugerah Penghargaan Khas Sifar Sisa Global, anugerah tertinggi daripada Zero Waste Foundation sebagai pengiktirafan terhadap komitmen negara dalam memacu pembangunan pengurusan sisa mampan dan prinsip ekonomi kitaran.

Anugerah disampaikan oleh Wanita Pertama Turkiye yang juga Penaung Zero Waste Foundation Emine Erdogan kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Nga Kor Ming semasa Forum Sifar Sisa Global 2025 di Istanbul, Turkiye, kelmarin.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam kenyataan memaklumkan, Nga menyifatkan pengiktirafan khas itu sebagai bukti usaha berterusan Malaysia dalam mentransformasi pengurusan sisa bandar, me-

mupuk tanggungjawab terhadap alam sekitar dan menggalakkan penyelesaian inovatif ke arah bandar mampan.

"Pengiktirafan global ini memperkukuh iltizam saya untuk terus memainkan peranan utama dalam usaha murni ini dan berikrar bahawa bersama pasukan saya, kami akan berkerja tanpa jemu untuk membina kerjasama yang ikhlas dan bermakna dengan Zero Waste Foundation, selaras dengan mandat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Bersama-sama kita mengangkat prinsip penting ini di peringkat global, di PBB, seluruh Asia Pasifik dan rantau ASEAN," kata Nga yang juga Presiden Perhimpunan Program Penempatan Manusia PBB (UN-Habitat) ketika berucap di majlis penyampaian anugerah itu.